



KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

MOGOK DOKTOR MALAYSIA 3 HINGGA 5 APRIL 2023

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) amat menghargai segala komitmen dan profesionalisme tinggi yang ditunjukkan oleh petugas kesihatan dalam perkhidmatan awam. Keutamaan pesakit melebihi kepentingan peribadi terus menjadi inspirasi setiap daripada mereka. Kod etika professional di kalangan pegawai perubatan dan yang lainnya perlulah dipelihara dan sentiasa menjadi pedoman ke arah memartabatkan institusi perubatan di negara ini kepada suatu anjakan paradigma yang sentiasa disegani.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua petugas kesihatan yang sentiasa bersedia memberikan perkhidmatan kepada rakyat dan sekaligus menolak anjuran untuk mogok dalam kalangan doktor baru-baru ini.

Hebahan mengenai Mogok Doktor Malaysia yang telah ditularkan di laman sosial pada 3 hingga 5 April 2023, dan dijangka melibatkan 8,000-12,000 doktor-doktor kontrak, telah gagal melumpuhkan perkhidmatan kesihatan seperti yang dirancang oleh penganjur. Ianya dilihat lebih bersifat ancaman dan provokatif serta mempunyai kepentingan tertentu sehingga sanggup mengambil kesempatan terhadap keselamatan dan nyawa rakyat.

Sehubungan itu, saya ingin menekankan bahawa mogok bukanlah satu jalan penyelesaian terbaik bagi menangani setiap permasalahan yang timbul, sebaliknya perkara tersebut perlu ditangani secara lebih berhemah dan profesional menerusi platform yang betul.

Saya juga ingin merakamkan rasa terima kasih kepada kepimpinan tertinggi KKM, Pengarah-pengarah Kesihatan Negeri dan Hospital, serta ketua perkhidmatan dalam kesiapsiagaan mereka berdepan dengan sebarang kemungkinan tempoh hari.

Dr. Zaliha Mustafa
Menteri Kesihatan Malaysia

7 April 2023